

4th Issue **VOLUME 1 : JULY 2025**

UiTM MUKAH BULLETIN



Inou Dengah UiTM Mukah?

4th Issue | Volume 1 | July 2025



TABLE OF CONTENT

- 01** From Rector's Desk
- 02** From Assistant Rector's Desk
- 03** Chief Editor's Note
- 04** Editorial Board
- 05** Highlights
- 10** News and Articles
- 63** Creative Writing
- 67** Congratulations!
- 74** Thank You
- 75** Happy Retirement!
- 76** Press and Media Coverage

EDITORIAL BOARD

Professor Dr. Firdaus Abdullah
Patron

Dr. Abdul Jabbar Abdullah
Advisor

Mr. Mohd Shafik Hj. Mohd Samsi
Chief Editor

Editors : **Ms. Siti Faridah Kamaruddin**
Ms. Stefanie Natasha Rich Joseph
Ms. Cindy Robert
Ms. Fakhira Jafri
Ms. Shirley Clare Jeri

Mr. Shileyiusken Mijen
Webmaster

Mrs. Irene Seluroh
Layout & Design

Mr. Anas Asrawy Pendapat
Photographer

Ms. Nuranissa Mercy Punai
Internship Trainee

Published by:

Corporate Communication Unit, UiTM Mukah Campus

eISSN : 2976-257X

Published Date : 4 July 2025

NEWS AND ARTICLES

INOVASI BERSAMA SISWI-SISWI GEMILANG

Penulis: Dayang Hummida Abang Abdul Rahman, Siti Faridah Kamaruddin, dan Jacqueline Teresa Anak Sulang

Sebagai pensyarah, tiada yang lebih membanggakan selain menyaksikan para siswi membuahkan hasil daripada usaha gigih mereka. Menarik untuk melihat siswi-siswi yang dibimbing menonjolkan kreativiti, bakat dan semangat dalam melaksanakan projek inovasi. Pada tahun 2024, kami sekali lagi diberi peluang membimbing sekumpulan pelajar berbakat dalam pertandingan inovasi dan berjaya meraih beberapa anugerah.

Sejak sesi perbincangan pertama lagi, saya sudah melihat bakat dan semangat luar biasa dalam diri mereka, daripada aspek idea, pembangunan produk, hinggalah kepada sesi pembentangan akhir. Idea-idea yang dikemukakan bukan sahaja melangkaui jangkaan, malah memperlihatkan keupayaan berfikir secara kritis serta kerjasama kumpulan yang mantap.

Dalam usaha melahirkan inovasi akademik yang dapat memupuk kreativiti dalam pembelajaran Ekonomi, kami bekerjasama mencipta board game akademik yang dinamakan EcoPoly.Go. Objektif utama penghasilan permainan ini adalah untuk menggabungkan unsur hiburan dan pendidikan.

Sepanjang proses pembangunan, mereka menunjukkan kesungguhan yang tinggi dalam mencipta dan memperbaiki prototaip dengan teliti. Mereka mengambil kira setiap aspek termasuk fungsi produk, kesesuaian pengguna, serta penambahbaikan dari segi reka bentuk yang lebih mesra pengguna. Proses ini telah membuka mata mereka bahawa inovasi bukan sekadar mencipta sesuatu yang baharu, tetapi juga memahami keperluan sebenar masyarakat.

Semangat tinggi yang ditunjukkan membuahkan hasil apabila kami berjaya memfailkan hak cipta untuk EcoPoly.Go. Pada masa yang sama, permainan ini turut melalui sesi ujian percubaan bersama pelajar dari jurusan Perniagaan dan Perbankan di UiTM Kampus Mukah serta Politeknik Mukah. Pencapaian ini menjadi pemangkin kepada semangat kami untuk terus mara ke pentas yang lebih besar.

Pada awal Jun 2024, pihak universiti telah menganjurkan *Youth Innovation Competition*. Dengan penuh keyakinan dan kesungguhan yang tinggi, para siswi tampil membentangkan inovasi mereka di hadapan panel juri. Detik-detik menjelang pertandingan merupakan pengalaman yang sukar dilupakan.

Beberapa hari sebelumnya, para siswi menunjukkan komitmen luar biasa dengan menjalani sesi latihan intensif bersama saya hingga lewat malam, semata-mata untuk memperkemas kemahiran *pitching* mereka. Usaha itu membuahkan hasil apabila EcoPoly.Go berjaya mengharumkan nama pasukan kami dengan meraih bukan sahaja *Gold Award*, malah turut membawa pulang *Best of the Best Innovation* dan *Best Pitching Award*.



Poster penghargaan

NEWS AND ARTICLES

INOVASI BERSAMA SISWI-SISWI GEMILANG (samb.)

Kejayaan ini bukan sahaja mengiktiraf keunikan produk yang dihasilkan, malah memperlihatkan kekuatan penyampaian serta keyakinan diri yang dibina sepanjang perjalanan inovasi ini. Selepas menamatkan saingan di peringkat universiti, pasukan kami melebarkan sayap ke pentas antarabangsa. Tidak lama kemudian, kami menerima khabar menggembirakan apabila EcoPoly.Go berjaya meraih *Silver Award* dalam pertandingan peringkat antarabangsa anjuran *Virtual Innovation Competition 2024*.

Lebih membanggakan, para siswi turut terlibat secara menyeluruh dalam pembangunan konsep video inovasi yang dihantar untuk pertandingan tersebut. Daripada peringkat penulisan skrip, rakaman visual, sehinggalah ke penyuntingan akhir, kesemua aspek diusahakan dengan penuh dedikasi. Segala usaha ini telah membuahkan hasil yang bermakna buat saya dan anak-anak didik saya. Tiada kata yang dapat menggambarkan betapa bangga dan gembiranya saya terhadap mereka.

Perjalanan inovasi bersama mereka ini amat bermakna kerana membuktikan bahawa apabila ilmu, semangat dan usaha digabungkan, keajaiban pasti tercipta. Lebih daripada sekadar sebuah projek akademik, inisiatif ini telah membuka ruang untuk kami meluangkan masa bersama, saling mengenali, dan mengukuhkan hubungan antara pensyarah dan pelajar..

Dalam setiap sesi perbincangan dan pembentangan, terselit pertukaran pandangan, perkongsian pengalaman serta penghargaan terhadap cita rasa masing-masing. Inilah detik-detik yang menjadikan perjalanan ini lebih bererti, bukan hanya berdasarkan pencapaian yang diraih, malah melalui kenangan serta nilai murni yang tersemat kukuh dalam sanubari kami



Pelajar dan pensyarah yang terlibat bergambar bersama